



20 Januari 2025
20 January 2025
P.U. (A) 25

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN
(SKIM PEMERIKSAAN KHAS) 2025

*OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH
(SPECIAL SCHEME OF INSPECTION) REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(SKIM PEMERIKSAAN KHAS) 2025

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

SKIM PEMERIKSAAN KHAS

3. Permohonan untuk kelulusan bagi skim pemeriksaan khas
4. Kehendak bagi skim pemeriksaan khas kelas A
5. Kehendak bagi skim pemeriksaan khas kelas B
6. Maklumat atau dokumen tambahan
7. Kelulusan skim pemeriksaan khas
8. Tempoh skim pemeriksaan khas
9. Kesahan perakuan kelayakan bagi loji yang menghendaki perakuan kelayakan di bawah skim pemeriksaan khas

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN PENGHUNI

10. Kewajipan penghuni di bawah skim pemeriksaan khas kelas A
11. Kewajipan penghuni di bawah skim pemeriksaan khas kelas B

BAHAGIAN IV
PEMERIKSAAN KHAS

Peraturan

12. Pemeriksaan khas bagi loji yang menghendaki perakuan kelayakan
13. Penambahan, pengurangan dan perubahan maklumat kepada senarai loji yang menghendaki perakuan kelayakan di bawah skim pemeriksaan khas
14. Pemeriksaan verifikasi

BAHAGIAN V
PEMBATALAN DAN PENAMATAN SKIM PEMERIKSAAN KHAS

15. Pembatalan skim pemeriksaan khas
16. Penamatan skim pemeriksaan khas
17. Penamatan sukarela skim pemeriksaan khas

BAHAGIAN VI
AM

18. Perubahan berhubung dengan loji yang menghendaki perakuan kelayakan di bawah skim pemeriksaan khas
19. Fi yang tidak boleh dibayar balik

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(SKIM PEMERIKSAAN KHAS) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 27F dan 66 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Skim Pemeriksaan Khas) 2025**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“bejana tekanan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 [*P.U. (A) 99/2024*];

“dandang stim” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

“data berasaskan risiko” ertinya—

- (a) berhubung dengan dandang stim dan bejana tekanan, maklumat perincian reka bentuk dan pengendaliannya, termasuk komposisi bendalir proses, sifat bendalir proses, suhu dan tekanan pengendalian, bahan binaan, spesifikasi reka bentuk, ketebalan semasa, jenis mekanisme kerosakan

yang boleh menjejaskan fungsi dandang stim dan bejana tekanan, pemeriksaan dan penyelenggaraan; dan

- (b) berhubung dengan jentera mengangkat, maklumat perincian reka bentuk dan pengendaliannya, termasuk bahan binaan, spesifikasi reka bentuk, jenis mekanisme kerosakan yang boleh menjejaskan fungsi jentera mengangkat, pemeriksaan dan penyelenggaraan;

“jentera mengangkat” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

“loji yang menghendaki perakuan kelayakan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

“orang berkelayakan” ertinya orang terlatih yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam bidang berkaitan untuk melaksanakan apa-apa tugas atau perkhidmatan yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan ini;

“pemeriksaan berkala” ertinya pemeriksaan yang dijalankan mengikut peraturan 6 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

“pemeriksaan dalaman” ertinya pemeriksaan yang dijalankan pada bahagian dalam dandang stim dan bejana tekanan dengan menggunakan sama ada teknik visual, ujian tanpa musnah atau kedua-duanya;

“pemeriksaan luaran” ertinya pemeriksaan visual yang dijalankan pada bahagian luar loji yang menghendaki perakuan kelayakan bagi mentaksir keadaan yang boleh menjejaskan integriti loji yang menghendaki perakuan kelayakan dan struktur sokongannya, termasuk peralatan keselamatan loji yang menghendaki perakuan kelayakan itu;

“pemeriksaan semasa pengendalian” ertinya pemeriksaan pada bahagian luar dandang stim atau bejana tekanan yang sedang dikendalikan dan pemeriksaan itu dijalankan dengan menggunakan kaedah ujian tanpa musnah yang wajar untuk mengesan kecacatan pada dandang stim atau bejana tekanan itu berdasarkan mekanisme kerosakan;

“penganalisan berasaskan risiko” ertinya suatu pemeriksaan dalaman dan pemeriksaan luaran termasuk ujian tanpa musnah yang dijalankan oleh penghuni terhadap suatu loji yang menghendaki perakuan kelayakan yang lat tempoh pemeriksaannya ditentukan berdasarkan risiko yang berkaitan dengan loji yang menghendaki perakuan kelayakan itu.

BAHAGIAN II SKIM PEMERIKSAAN KHAS

Permohonan untuk kelulusan bagi skim pemeriksaan khas

3. Mana-mana penghuni boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk kelulusan bagi skim pemeriksaan khas—

- (a) bagi dandang stim dan bejana tekanan yang hendaklah dikenali sebagai skim pemeriksaan khas kelas A; atau
- (b) bagi semua loji yang menghendaki perakuan kelayakan yang hendaklah dikenali sebagai skim pemeriksaan khas kelas B,

sekurang-kurangnya enam bulan sebelum habis tempoh perakuan kelayakan loji yang menghendaki perakuan kelayakannya bersama-sama dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Kehendak bagi skim pemeriksaan khas kelas A

4. Mana-mana penghuni yang memohon untuk kelulusan bagi skim pemeriksaan khas kelas A hendaklah memenuhi kehendak berkenaan dengan dandang stim dan bejana tekanan seperti yang berikut:

- (a) penghuni hendaklah menubuhkan, melaksanakan dan menyenggarakan suatu sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagaimana yang dipersetujui oleh Ketua Pengarah;
- (b) penghuni hendaklah menyenaraikan satu atau lebih dandang stim dan bejana tekanan di suatu tempat kerja dan memastikan bahawa dandang stim dan bejana tekanan itu adalah dalam keadaan kerja yang memuaskan dan selamat untuk digunakan;
- (c) penghuni hendaklah memastikan setiap dandang stim dan bejana tekanan itu mempunyai perakuan kelayakan yang sah;
- (d) penghuni hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah—
 - (i) data berasaskan risiko bagi dandang stim dan bejana tekanan yang dikira dan ditaksir mengikut metodologi sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan
 - (ii) maklumat ketebalan dandang stim dan bejana tekanan yang dikumpulkan mengikut mana-mana kaedah yang berikut:
 - (A) pemeriksaan di bawah seksyen 27D Akta dan dua kali pemeriksaan berkala dandang stim dan bejana tekanan;
 - (B) tiga kali pemeriksaan berkala dandang stim dan bejana tekanan;
 - (C) pengukuran ketebalan dandang stim dan bejana tekanan hendaklah dilakukan tidak kurang daripada tiga kali semasa dandang stim dan bejana tekanan itu sedang beroperasi pada lat tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan selepas setiap pengukuran; atau

- (D) pengukuran ketebalan dandang stim dan bejana tekanan hendaklah dilakukan tidak kurang daripada tiga kali semasa dandang stim dan bejana tekanan itu tidak beroperasi pada lat tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan selepas setiap pengukuran;
- (e) pengukuran ketebalan dandang stim dan bejana tekanan di bawah subperenggan (d)(ii) hendaklah dilakukan mengikut kaedah yang diluluskan oleh Ketua Pengarah melainkan jika pengukuran itu dilakukan dengan menggunakan kaedah yang diterima secara amnya;
- (f) penghuni hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah maklumat mengenai baki hayat, kategori risiko, lat tempoh pemeriksaan dan pelan pemeriksaan bagi dandang stim dan bejana tekanan yang diperolehi melalui pengiraan dan pentaksiran data dan maklumat yang dikumpul mengikut perenggan (d);
- (g) penghuni hendaklah mempunyai satu atau lebih pasukan berasaskan risiko sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah yang terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang anggota seperti yang berikut:
- (i) seorang orang berkelayakan yang mempunyai ijazah kejuruteraan sebagai ketua pasukan untuk melaksanakan semua tugas yang berhubungan dengan pemeriksaan integriti dandang stim dan bejana tekanan;
 - (ii) seorang orang berkelayakan dengan pengetahuan dan kepakaran dalam kejuruteraan kakisan;
 - (iii) seorang orang berkelayakan daripada bahagian proses atau bahagian pengeluaran;

- (iv) seorang orang berkelayakan daripada bahagian pemeriksaan atau bahagian kejuruteraan; dan
 - (v) seorang pegawai keselamatan dan kesihatan yang berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 [P.U. (A) 315/1997] atau orang yang bertanggungjawab bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan jika tempat kerja itu tidak menghendaki seorang pegawai keselamatan dan kesihatan yang berdaftar itu; dan
- (h) penghuni hendaklah mengemukakan dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Kehendak bagi skim pemeriksaan khas kelas B

5. Mana-mana penghuni yang memohon untuk kelulusan bagi skim pemeriksaan khas kelas B hendaklah memenuhi kehendak berkenaan dengan loji yang menghendaki perakuan kelayakan seperti yang berikut:

- (a) penghuni hendaklah menubuhkan, melaksanakan dan menyenggarakan suatu sistem pengurusan loji yang dikendalikan oleh suatu pasukan pengurusan loji mengikut tataamalan industri yang diluluskan oleh Menteri;
- (b) penghuni hendaklah menyenaraikan semua loji yang menghendaki perakuan kelayakan yang dipasang di suatu tempat kerja mengikut kategori yang berikut:
 - (i) loji yang menghendaki perakuan kelayakan yang telah dipasang bagi tempoh tiga puluh enam bulan atau lebih dari tarikh permohonan; dan

- (ii) loji yang menghendaki perakuan kelayakan yang telah dipasang bagi tempoh tidak lebih daripada tiga puluh enam bulan dari tarikh permohonan, jika ada;
- (c) penghuni hendaklah memastikan loji yang menghendaki perakuan kelayakan itu dalam keadaan kerja yang memuaskan dan selamat untuk digunakan;
- (d) penghuni hendaklah memastikan semua loji yang menghendaki perakuan kelayakan mempunyai perakuan kelayakan yang sah;
- (e) penghuni hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah—
 - (i) data berasaskan risiko bagi dandang stim dan bejana tekanan yang dikira dan ditaksir mengikut metodologi sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan
 - (ii) maklumat ketebalan dandang stim dan bejana tekanan yang dikumpulkan mengikut mana-mana kaedah yang berikut:
 - (A) pemeriksaan di bawah seksyen 27D Akta dan dua kali pemeriksaan berkala dandang stim dan bejana tekanan;
 - (B) tiga kali pemeriksaan berkala dandang stim dan bejana tekanan;
 - (C) pengukuran ketebalan dandang stim dan bejana tekanan hendaklah dilakukan tidak kurang daripada tiga kali semasa dandang stim dan bejana tekanan itu sedang beroperasi pada lat tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan selepas setiap pengukuran; atau

- (D) pengukuran ketebalan dandang stim dan bejana tekanan hendaklah dilakukan tidak kurang daripada tiga kali semasa dandang stim dan bejana tekanan itu tidak beroperasi pada lat tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan selepas setiap pengukuran;
- (f) pengukuran ketebalan dandang stim dan bejana tekanan di bawah perenggan (e)(ii) hendaklah dilakukan mengikut kaedah yang diluluskan oleh Ketua Pengarah melainkan jika pengukuran itu dilakukan dengan menggunakan kaedah yang diterima secara amnya;
- (g) jika loji yang menghendaki perakuan kelayakan ialah dandang stim dan bejana tekanan, penghuni hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah maklumat mengenai baki hayat, kategori risiko, lat tempoh pemeriksaan dan pelan pemeriksaan bagi dandang stim dan bejana tekanan yang diperolehi melalui pengiraan dan pentaksiran data dan maklumat yang dikumpul mengikut perenggan (e);
- (h) jika loji yang menghendaki perakuan kelayakan ialah jentera mengangkat, penghuni hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah maklumat kategori risiko, lat tempoh pemeriksaan dan pelan pemeriksaan bagi jentera mengangkat itu;
- (i) penghuni hendaklah memastikan bahawa tiada kematian, kecederaan badan yang serius, penyakit, keracunan pekerjaan atau kejadian berbahaya yang diakibatkan oleh aktiviti pemasangan, pembaikan, pembukaan, pengendalian dan penyenggaraan loji yang menghendaki perakuan kelayakan dalam tempoh dua tahun sebelum tarikh permohonan;
- (j) penghuni hendaklah memastikan bahawa tiada kejadian yang boleh menjejaskan integriti loji yang menghendaki perakuan kelayakan berlaku dalam tempoh dua tahun sebelum tarikh permohonan;

- (k) penghuni hendaklah mempunyai satu atau lebih pasukan berasaskan risiko sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah yang terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang anggota seperti yang berikut:
- (i) seorang orang berkelayakan yang mempunyai ijazah kejuruteraan sebagai ketua pasukan untuk melaksanakan semua tugas yang berhubungan dengan pemeriksaan integriti loji yang menghendaki perakuan kelayakan;
 - (ii) seorang orang berkelayakan dengan pengetahuan dan kepakaran dalam kejuruteraan kakisan;
 - (iii) seorang orang berkelayakan daripada bahagian proses atau bahagian pengeluaran;
 - (iv) seorang orang berkelayakan daripada bahagian pemeriksaan atau bahagian kejuruteraan; dan
 - (v) seorang pegawai keselamatan dan kesihatan yang berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 [P.U. (A) 315/1997] atau orang yang bertanggungjawab bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan jika tempat kerja itu tidak menghendaki seorang pegawai keselamatan dan kesihatan yang berdaftar itu; dan
- (l) penghuni hendaklah mengemukakan dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Maklumat atau dokumen tambahan

6. (1) Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis pada bila-bila masa selepas permohonan bagi skim pemeriksaan khas diterima, menghendaki penghuni untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan kepada Ketua Pengarah

dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah.

(2) Jika maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) tidak diberikan oleh penghuni dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan hak penghuni untuk membuat permohonan baharu.

Kelulusan skim pemeriksaan khas

7. (1) Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan bagi skim pemeriksaan khas sebagai sama ada skim pemeriksaan khas kelas A atau skim pemeriksaan khas kelas B, di bawah peraturan 3 jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa kehendak di bawah peraturan 4 atau 5, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah dipenuhi.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perakuan kelulusan bagi skim pemeriksaan khas kelas A atau skim pemeriksaan khas kelas B kepada penghuni yang hendaklah mengandungi butiran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Seseorang penghuni yang skim pemeriksaan khasnya diluluskan oleh Ketua Pengarah hanya boleh memegang satu kelas skim pemeriksaan khas pada satu-satu masa.

(4) Seseorang penghuni yang telah memperoleh kelulusan bagi skim pemeriksaan khas kelas B oleh Ketua Pengarah tidak boleh memegang kelulusan bagi apa-apa skim pemeriksaan khas kelas B yang lain pada masa yang sama dan mana-mana skim pemeriksaan khas kelas A sedia ada yang diperoleh penghuni adalah terbatal.

Tempoh skim pemeriksaan khas

8. (1) Skim pemeriksaan khas kelas A hendaklah sah bagi tempoh satu ratus dua puluh bulan dari tarikh kelulusan permohonan bagi skim pemeriksaan khas itu melainkan jika dibatalkan atau ditamatkan lebih awal.

(2) Skim pemeriksaan khas kelas B hendaklah sah bagi tempoh satu ratus lapan puluh bulan dari tarikh kelulusan permohonan bagi skim pemeriksaan khas itu melainkan jika dibatalkan atau ditamatkan lebih awal.

Kesahan perakuan kelayakan bagi loji yang menghendaki perakuan kelayakan di bawah skim pemeriksaan khas

9. Kesahan perakuan kelayakan bagi loji yang menghendaki perakuan kelayakan di bawah skim pemeriksaan khas hendaklah tidak melebihi enam puluh bulan sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai berdasarkan keputusan pengiraan dan pentaksiran data berasaskan risiko yang dikemukakan oleh penghuni.

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN PENGHUNI

Kewajipan penghuni di bawah skim pemeriksaan khas kelas A

10. Seseorang penghuni dengan kelulusan bagi skim pemeriksaan khas kelas A hendaklah—

- (a) memastikan tiada kematian, kecederaan badan yang serius, keracunan, penyakit atau kejadian berbahaya yang berlaku akibat daripada pemasangan atau penggunaan loji yang menghendaki perakuan kelayakan;
- (b) memastikan data berasaskan risiko dikumpul oleh pasukan berasaskan risiko pada lat tempoh tidak melebihi dua belas bulan selepas setiap pengumpulan data;
- (c) menyimpan dan menyenggarakan data berasaskan risiko yang dikemukakan oleh pasukan berasaskan risiko;

- (d) menentukan baki hayat, kategori risiko, lat tempoh pemeriksaan dan pelan pemeriksaan bagi dandang stim dan bejana tekanan berdasarkan pengiraan dan pentaksiran data berasaskan risiko;
- (e) menyenggarakan dan memakai metodologi bagi pengiraan dan pentaksiran data berasaskan risiko di bawah subperenggan 4(d)(i);
- (f) memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai apa-apa perubahan ketua pasukan berasaskan risiko dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh perubahan itu;
- (g) menyenggarakan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di bawah perenggan 4(a);
- (h) menyimpan dan menyenggarakan rekod penggunaan dan penyenggaraan dandang stim dan bejana tekanan;
- (i) memastikan pemeriksaan verifikasi dilaksanakan; dan
- (j) memastikan bahawa tiap-tiap anggota pasukan berasaskan risiko sentiasa kompeten.

Kewajipan penghuni di bawah skim pemeriksaan khas kelas B

11. Seseorang penghuni dengan kelulusan bagi skim pemeriksaan khas kelas B hendaklah—

- (a) memastikan tiada kematian, kecederaan badan yang serius, keracunan, penyakit atau kejadian berbahaya yang berlaku akibat daripada pemasangan atau penggunaan loji yang menghendaki perakuan kelayakan;
- (b) memastikan data berasaskan risiko dikumpul oleh pasukan berasaskan risiko pada lat tempoh tidak melebihi dua belas bulan selepas setiap pengumpulan data;

- (c) menyimpan dan menyenggarakan data berasaskan risiko yang dikemukakan oleh pasukan berasaskan risiko;
- (d) menentukan baki hayat, kategori risiko, lat tempoh pemeriksaan dan pelan pemeriksaan bagi dandang stim dan bejana tekanan berdasarkan pengiraan dan pentaksiran data berasaskan risiko;
- (e) menyenggarakan dan memakai metodologi bagi pengiraan dan pentaksiran data berasaskan risiko di bawah subperenggan 5(e)(i);
- (f) memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai apa-apa perubahan ketua pasukan berasaskan risiko dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh perubahan itu;
- (g) memastikan pemeriksaan verifikasi dilaksanakan;
- (h) menyenggarakan sistem pengurusan loji yang disebut dalam perenggan 5(a);
- (i) menjalankan penganalisan berasaskan risiko; dan
- (j) memastikan bahawa tiap-tiap anggota pasukan berasaskan risiko sentiasa kompeten.

BAHAGIAN IV PEMERIKSAAN KHAS

Pemeriksaan khas bagi loji yang menghendaki perakuan kelayakan

12. (1) Penghuni hendaklah memohon kepada pegawai untuk suatu pemeriksaan khas bagi loji yang menghendaki perakuan kelayakan bersama-sama dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Penghuni hendaklah memastikan loji yang menghendaki perakuan kelayakan tersedia bagi pemeriksaan khas itu.

(3) Pemeriksaan khas hendaklah dijalankan mengikut cara yang berikut—

(a) bagi pemeriksaan khas kali pertama selepas kelulusan skim pemeriksaan khas, loji yang menghendaki perakuan kelayakan hendaklah bersedia bagi kedua-dua pemeriksaan dalaman dan pemeriksaan luaran;

(b) bagi pemeriksaan khas berikutnya—

(i) dandang stim dan bejana tekanan di bawah skim pemeriksaan khas kelas A hendaklah bersedia bagi kedua-dua pemeriksaan dalaman dan pemeriksaan luaran; dan

(ii) loji yang menghendaki perakuan kelayakan di bawah skim pemeriksaan khas kelas B hendaklah bersedia bagi pemeriksaan semasa pengendalian dan pemeriksaan luaran.

(4) Sekiranya penghuni mendapati pemeriksaan dalaman tidak sesuai untuk dijalankan, penghuni hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah bagi pemeriksaan semasa pengendalian.

(5) Ketua Pengarah boleh meluluskan atau menolak permohonan penghuni di bawah subperaturan (4).

(6) Jika Ketua Pengarah menolak permohonan penghuni di bawah subperaturan (5), pemeriksaan dalaman hendaklah dijalankan terhadap loji yang menghendaki perakuan kelayakan.

Penambahan, pengurangan dan perubahan maklumat kepada senarai loji yang menghendaki perakuan kelayakan di bawah skim pemeriksaan khas

13. Jika terdapat apa-apa penambahan, pengurangan atau perubahan maklumat kepada senarai loji yang menghendaki perakuan kelayakan di bawah skim pemeriksaan khas kelas B yang diluluskan, penghuni hendaklah mengemukakan permohonan untuk meminda senarai loji yang menghendaki perakuan kelayakan bagi skim pemeriksaan khas yang diluluskan itu bagi suatu tempoh tidak lebih daripada empat puluh lapan bulan dari tarikh penambahan, pengurangan atau perubahan maklumat itu bersama-sama dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Pemeriksaan verifikasi

14. (1) Seseorang penghuni yang diberikan kelulusan bagi skim pemeriksaan khas hendaklah tertakluk kepada pemeriksaan verifikasi.

(2) Penghuni yang memperoleh skim pemeriksaan khas kelas A hendaklah memohon untuk suatu pemeriksaan verifikasi dalam tempoh enam bulan selepas suatu pemeriksaan khas dijalankan bersama-sama dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(3) Penghuni yang memperoleh skim pemeriksaan khas kelas B hendaklah memohon untuk suatu pemeriksaan verifikasi dalam tempoh tidak lebih daripada enam bulan sebelum suatu pemeriksaan khas dijalankan bersama-sama dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

BAHAGIAN V**PEMBATALAN DAN PENAMATAN SKIM PEMERIKSAAN KHAS****Pembatalan skim pemeriksaan khas**

15. Ketua Pengarah boleh membatalkan mana-mana skim pemeriksaan khas yang telah diluluskan jika penghuni memberikan apa-apa dokumen atau maklumat yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan ini yang palsu, mengelirukan atau mengandungi kesilapan atau peninggalan yang material.

Penamatan skim pemeriksaan khas

16. Ketua Pengarah boleh menamatkan mana-mana skim pemeriksaan khas yang telah diluluskan jika—

- (a) penghuni yang mendapat kelulusan skim pemeriksaan khas didapati tidak mematuhi kewajipan yang dinyatakan dalam peraturan 10 atau 11, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) terdapat perubahan penghuni bagi loji yang menghendaki kelayakan yang berada di bawah skim pemeriksaan khas; atau
- (c) perakuan kelayakan bagi semua loji yang menghendaki kelayakan yang berada di bawah skim pemeriksaan khas itu ditamatkan di bawah subseksyen 27D(8).

Penamatan sukarela skim pemeriksaan khas

17. (1) Penghuni hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis bagi maksud penamatan sukarela mana-mana skim pemeriksaan khas yang telah diluluskan bagi mana-mana atau semua loji yang menghendaki perakuan kelayakan.

(2) Perakuan kelayakan loji yang menghendaki perakuan kelayakan di bawah mana-mana skim pemeriksaan khas hendaklah terbatal sama ada pada tarikh habis tempoh perakuan kelayakan loji yang menghendaki perakuan kelayakan atau pada hari terakhir bulan keenam selepas tarikh skim pemeriksaan khas ditamatkan secara sukarela, mengikut mana-mana yang lebih awal.

BAHAGIAN VI

AM

Perubahan berhubung dengan loji yang menghendaki perakuan kelayakan di bawah skim pemeriksaan khas

18. (1) Penghuni hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis dalam tempoh tiga puluh hari mengenai apa-apa perubahan yang berikut:

- (a) penjualan, penyewaan atau pemindahan hak milik mana-mana loji yang menghendaki perakuan kelayakan di bawah skim pemeriksaan khas kepada mana-mana orang; atau
- (b) tekanan kerja selamat berkenaan dengan dandang stim dan bejana tekanan atau beban kerja selamat berkenaan dengan jentera mengangkat di bawah skim pemeriksaan khas.

(2) Jika mana-mana loji yang menghendaki perakuan kelayakan yang berada di bawah mana-mana skim pemeriksaan khas dijual, disewakan atau dipindahkan hak milik secara tetap atau sementara oleh penghuni yang telah mendapat kelulusan skim pemeriksaan khas kepada mana-mana orang, loji yang menghendaki perakuan kelayakan itu hendaklah disifatkan telah dikeluarkan daripada skim pemeriksaan khas itu.

Fi yang tidak boleh dibayar balik

19. Apa-apa fi yang dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dibayar balik.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 3 dan 13 dan subperaturan 12(1), 14(2) dan 14(3)]

FI

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)	
		Skim pemeriksaan khas kelas A	Skim pemeriksaan khas kelas B
1.	Permohonan untuk kelulusan bagi skim pemeriksaan khas: (a) bagi loji yang menghendaki perakuan kelayakan yang pertama (b) bagi tiap-tiap loji yang menghendaki perakuan kelayakan selanjutnya	51,000 1,000	81,000 1,000
2.	Permohonan untuk pemeriksaan khas bagi dandang stim: (1) Kategori 1 (a) Permukaan pemanasan kurang daripada 5 meter persegi (b) Permukaan pemanas 5 meter persegi dan ke atas tetapi kurang daripada 10 meter persegi (c) Permukaan pemanasan 10 meter persegi dan ke atas tetapi kurang daripada 25 meter persegi (d) Permukaan pemanasan 25 meter persegi dan ke atas tetapi kurang daripada 50 meter persegi	300 800 1,050 1,300	300 800 1,050 1,300

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)	
		Skim pemeriksaan khas kelas A	Skim pemeriksaan khas kelas B
	(e) Permukaan pemanasan 50 meter persegi dan ke atas tetapi kurang daripada 100 meter persegi	1,600	1,600
	(f) Permukaan pemanasan 100 meter persegi dan ke atas tetapi kurang daripada 250 meter persegi	2,000	2,000
	(g) Permukaan pemanasan 250 meter persegi dan ke atas	2,400	2,400
	(2) Kategori 2 Dandang stim elektrik, ketuhar tiub stim, plat panas tiub stim, autoklaf atau penjimat haba	300	300
	(3) Kategori 3 Pemanas lampau	300	300
3.	Permohonan untuk pemeriksaan khas bagi bejana tekanan		
	(1) Kapasiti kurang daripada 0.1 meter padu	140	140
	(2) Kapasiti 0.1 meter padu dan ke atas tetapi kurang daripada 0.5 meter padu	200	200
	(3) Kapasiti 0.5 meter padu dan ke atas tetapi kurang daripada 5 meter padu	300	300
	(4) Kapasiti 5 meter padu dan ke atas tetapi kurang daripada 10 meter padu	400	400

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)	
		Skim pemeriksaan khas kelas A	Skim pemeriksaan khas kelas B
	(5) Kapasiti 10 meter padu dan ke atas tetapi kurang daripada 15 meter padu	550	550
	(6) Kapasiti 15 meter padu dan ke atas	700	700
4.	Permohonan untuk pemeriksaan khas bagi kren bergerak		
	(1) Beban kerja selamat kurang daripada 25,000 kilogram	-	550
	(2) Beban kerja selamat 25,000 kilogram dan ke atas tetapi kurang daripada 50,000 kilogram	-	700
	(3) Beban kerja selamat 50,000 kilogram dan ke atas tetapi kurang daripada 250,000 kilogram	-	850
	(4) Beban kerja selamat 250,000 kilogram dan ke atas	-	1,000
5.	Permohonan untuk pemeriksaan khas bagi kren menara dan kren dermaga	-	1,300
6.	Permohonan untuk pemeriksaan khas bagi kren yang lain		
	(1) Beban kerja selamat kurang daripada 3,000 kilogram	-	350
	(2) Beban kerja selamat 3,000 kilogram dan ke atas tetapi kurang daripada 5,000 kilogram	-	600

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)	
		Skim pemeriksaan khas kelas A	Skim pemeriksaan khas kelas B
	(3) Beban kerja selamat 5,000 kilogram dan ke atas tetapi kurang daripada 10,000 kilogram	-	750
	(4) Beban kerja selamat 10,000 kilogram dan ke atas tetapi kurang daripada 20,000 kilogram	-	950
	(5) Beban kerja selamat 20,000 kilogram dan ke atas	-	1,200
7.	Permohonan untuk pemeriksaan khas bagi pengangkat (1) Pengangkat benda: (a) Beban kerja selamat kurang daripada 500 kilogram (b) Beban kerja selamat 500 kilogram dan ke atas tetapi kurang daripada 1,000 kilogram (c) Beban kerja selamat 1,000 kilogram dan ke atas tetapi kurang daripada 1,500 kilogram (d) Beban kerja selamat 1,500 kilogram dan ke atas (2) Pengangkat penumpang	- - - - -	350 600 750 1,000 1,000
8.	Permohonan untuk pemeriksaan khas bagi kelengkapan akses gantung	-	350
9.	Permohonan untuk pemeriksaan khas bagi gantri pelancaran	-	2,000

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)	
		Skim pemeriksaan khas kelas A	Skim pemeriksaan khas kelas B
10.	Permohonan untuk pemeriksaan khas bagi kereta api funikular	-	2,000
11.	Permohonan untuk pemeriksaan khas bagi pelantar kerja aerial		
	(1) Kuasa kurang daripada 15 kilowatt	-	350
	(2) Kuasa 15 kilowatt dan ke atas tetapi kurang daripada 37 kilowatt	-	600
	(3) Kuasa 37 kilowatt dan ke atas tetapi kurang daripada 75 kilowatt	-	750
	(4) Kuasa 75 kilowatt dan ke atas	-	950
12.	Permohonan untuk pemeriksaan khas bagi lif		
	(1) Jarak perjalanan kurang daripada 12 meter	-	650
	(2) Jarak pergerakan 12 meter dan ke atas tetapi kurang daripada 30 meter	-	750
	(3) Jarak pergerakan 30 meter dan ke atas tetapi kurang daripada 80 meter	-	1,300
	(4) Jarak pergerakan 80 meter dan ke atas tetapi kurang daripada 140 meter	-	1,500
	(5) Jarak pergerakan 140 meter dan ke atas tetapi kurang daripada 300 meter	-	1,700

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)	
		Skim pemeriksaan khas kelas A	Skim pemeriksaan khas kelas B
	(6) Jarak pergerakan 300 meter dan ke atas	-	1,900
13.	Permohonan untuk pemeriksaan khas bagi eskalator atau laluan gerak	-	350
14.	Permohonan untuk pemeriksaan khas bagi jentera mengangkat yang lain		
	(1) Kuasa kurang daripada 15 kilowatt	-	350
	(2) Kuasa 15 kilowatt dan ke atas tetapi kurang daripada 37 kilowatt	-	600
	(3) Kuasa 37 kilowatt dan ke atas tetapi kurang daripada 75 kilowatt	-	750
	(4) Kuasa 75 kilowatt ke atas	-	950
15.	Permohonan untuk pemeriksaan verifikasi	25,000	40,000
16.	Permohonan untuk meminda senarai loji yang menghendaki perakuan kelayakan bagi skim pemeriksaan khas yang diluluskan:		
	(a) bagi apa-apa penambahan loji kepada senarai yang menghendaki perakuan kelayakan	-	1,000 bagi tiap-tiap loji yang menghendaki perakuan kelayakan
	(b) bagi apa-apa pengurangan kepada senarai loji yang menghendaki perakuan kelayakan	-	-

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)	
		Skim pemeriksaan khas kelas A	Skim pemeriksaan khas kelas B
	(c) bagi apa-apa perubahan maklumat kepada senarai loji yang menghendaki perakuan kelayakan	-	-

JADUAL KEDUA

[Perenggan 4(h) dan 5(l)]

DOKUMEN PENGISYTIHARAN PEMATUHAN

1. Senarai loji yang menghendaki perakuan kelayakan
2. Jangka hayat loji yang menghendaki perakuan kelayakan
3. Kategori risiko bagi dandang stim, bejana tekanan dan jentera mengangkat
4. Pengesahan bahawa loji yang menghendaki perakuan kelayakan adalah dalam keadaan kerja yang memuaskan atau sesuai untuk digunakan

JADUAL KETIGA
[Subperaturan 7(2)]

BUTIRAN SIJIL KELULUSAN SKIM PEMERIKSAAN KHAS

1. Jenis skim pemeriksaan khas yang diluluskan
2. Nombor skim pemeriksaan khas yang diluluskan
3. Nama pemegang skim pemeriksaan khas
4. Alamat pemegang skim pemeriksaan khas
5. Tempat pengendalian loji yang menghendaki perakuan kelayakan di bawah skim pemeriksaan khas
6. Senarai loji yang menghendaki perakuan kelayakan di bawah skim pemeriksaan khas
7. Tempoh skim pemeriksaan khas
8. Tarikh kelulusan bagi skim pemeriksaan khas

Dibuat 15 Januari 2025
[KSM.PUU(S)600-1/2/9/8(11); PN(PU2)541/JLD.14]

SIM CHEE KEONG
Menteri Sumber Manusia

OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH ACT 1994
OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH
(SPECIAL SCHEME OF INSPECTION) REGULATIONS 2025

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I
PRELIMINARY

Regulation

1. Citation
2. Interpretation

PART II
SPECIAL SCHEME OF INSPECTION

3. Application for approval for special scheme of inspection
4. Requirements for special scheme of inspection of class A
5. Requirements for special scheme of inspection of class B
6. Additional information or documents
7. Approval for special scheme of inspection
8. Duration of special scheme of inspection
9. Validity of certificate of fitness for plant requiring certificate of fitness under special scheme of inspection

PART III
DUTIES OF OCCUPIER

10. Duties of occupier under special scheme of inspection of class A
11. Duties of occupier under special scheme of inspection of class B

PART IV
SPECIAL INSPECTION

Regulation

12. Special inspection for plant requiring certificate of fitness
13. Addition, reduction and change of information to list of plant requiring certificate of fitness under special scheme of inspection
14. Verification inspection

PART V
REVOCATION AND TERMINATION OF SPECIAL SCHEME OF INSPECTION

15. Revocation of special scheme of inspection
16. Termination of special scheme of inspection
